

**MAJLIS SAMBUTAN HARI INOVASI KPKT
TAHUN 2016**

13 OKTOBER 2016 (KHAMIS)

2.30 PETANG

DEWAN KRISTAL, ARAS B1, KPKT

SEJARAH DAN TUJUAN HARI INOVASI

1. MAJLIS SAMBUTAN HARI INOVASI YANG DIADAKAN SETIAP TAHUN MEMPUNYAI PENGERTIAN YANG BESAR SEKIRANYA KITA BENAR-BENAR MENGHAYATI MATLAMAT PELAKSANAANNYA. JIKA KITA MENYUSUR TITIAN MASA, KERAJAAN MEMPERKENALKAN “GERAKAN BUDAYA KERJA CEMERLANG” PADA TAHUN 1989 YANG BERTUJUAN MEMBINA MASYARAKAT YANG SENTIASA MENGUTAMAKAN DAN MEMENTINGKAN KUALITI DALAM SEGALA USAHA. DALAM KONTEKS INI, PENJAWAT AWAM ADALAH DISERU UNTUK MENERAP NILAI-NILAI UTAMA YANG TERKANDUNG DALAM PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN DAN MEMPERTINGKAT LAGI KUALITI KERJA. MAKA PELBAGAI USAHA DAN STRATEGI DILAKSANAKAN BAGI MENCAPAI TUJUAN TERSEBUT SEPERTI :

- i. PELAKSANAAN PROGRAM MENINGKAT MUTU KERJA (KMK);
- ii. MEWUJUDKAN SISTEM MAKLUM BALAS;
- iii. PELAKSANAAN “PANDUAN PENGURUSAN DAN PENINGKATAN KUALITI SEKTOR AWAM”;
- iv. PELAKSANAAN BENGKEL-BENGKEL LATIHAN SERTA CERAMAH DAN PERBINCANGAN BERKAITAN PENINGKATAN KUALITI SEKTOR AWAM;
- v. PENGGUNAAN NOTA SERAH TUGAS; DAN SEBAGAINYA.

MALAH, USAHA-USAHA INI DIPERKEMASKAN LAGI DENGAN PELAKSANAAN BEBERAPA PROGRAM SEPERTI:

- i. PEMBERIAN PENGIKTIRAFAN ANUGERAH KUALITI PERDANA MENTERI;
- ii. PELAKSANAAN “TUJUH (7) PROGRAM TAMBAHAN PENINGKATAN KUALITI” (SISTEM CADANGAN Q, SISTEM PROSES Q, SISTEM PEMERIKSAAN Q, HARI Q, SLOGAN Q, SISTEM MAKLUM BALAS Q, DAN SISTEM MAKLUMAT Q);
- iii. PELAKSANAAN HARI KUALITI DI SETIAP KEMENTERIAN DAN AGENSI KERAJAAN; DAN
- iv. PELBAGAI LAGI USAHA DAN INISIATIF KERAJAAN YANG SAYA YAKIN TUJUAN UTAMANYA ADALAH BERASASKAN PENINGKATAN MUTU KERJA DAN KUALITI PERKHIDMATAN AWAM.

2. SEJAK PENJENAMAAN SEMULA MAJLIS INI DARIPADA NAMA “SAMBUTAN HARI KUALITI” KEPADA “SAMBUTAN HARI INOVASI” PADA TAHUN 2010, KITA DAPAT MELIHAT TRANSFORMASI KERAJAAN ADALAH LEBIH DINAMIK DALAM USAHA-USAHA PEMBUDAYAAN INOVASI DALAM PERKHIDMATAN AWAM. PELBAGAI LAGI USAHA PENAMBAHBAIKAN DAN PENJENAMAAN SEMULA PROGRAM-PROGRAM KUALITI DILAKSANAKAN SEPERTI PENJENAMAAN KMK KEPADA KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK), PENGIKTIRAFAN ANUGERAH INOVASI

SEKTOR AWAM (AISA) DAN ANUGERAH INOVASI PERDANA MENTERI (AIPM) SEBAGAI PENGIKTIRAFAN TERTINGGI KERAJAAN, DAN PELAKSANAAN PROGRAM STRATEGI LAUTAN BIRU KEBANGSAAN ATAU *NATIONAL BLUE OCEAN STRATEGY* (NBOS) SEBAGAI USAHA YANG LEBIH INOVATIF, YANG DILIHAT LEBIH RELEVAN DENGAN PERUBAHAN ARUS SEMASA.

3. JUSTERU, MAJLIS PADA HARI INI ADALAH BEGITU SIGNIFIKAN KEPADA KEMENTERIAN INI YANG SENTIASA BERUSAHA MENINGKATKAN USAHA-USAHA PEMBUDAYAAN INOVASI DI KALANGAN WARGA KEMENTERIAN INI SELARAS DENGAN MATLAMAT KERAJAAN. SAMBUTAN HARI INOVASI KPKT INI JUGA BEGITU BERMAKNA KEPADA WARGA KEMENTERIAN INI YANG TELAH BERTUNGKUS-LUMUS MENJANA IDEA DAN MENCETUSKAN INOVASI-INOVASI TERKINI YANG MAMPU MENINGKATKAN SERTA MEMPERKEMASKAN LAGI SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN KEPADA RAKYAT DAN NEGARA.

“ BUDAYA KREATIVITI DAN INOVASI, PEMANGKIN TRANSFORMASI KPKT ”

4. ASPEK INOVASI TELAH MENJADI PENANDA ARAS BARU GLOBAL DAN SUDAH PASTI MENUNTUT KEPADA KEUPAYAAN PENCIPTAAN YANG BUKAN SAHAJA BERSIFAT BARU, UNIK DAN BERMANFAAT, MALAHAN SESUATU HASIL PERLU MAMPU BERFUNGSI SEBAGAI PEMANGKIN KEPADA TRANSFORMASI SERTA KESEJAHTERAAN NEGARA. HAL INI ADALAH BERSESUAIAN DENGAN TEMA SAMBUTAN HARI INOVASI KPKT PADA TAHUN INI IAITU “BUDAYA KREATIVITI DAN INOVASI, PEMANGKIN TRANSFORMASI KPKT”. JUSTERU, PEMBUDAYAAN INOVASI DALAM ORGANISASI ADALAH SATU CIRI PENTING DALAM MEMASTIKAN PERKHIDMATAN YANG DIBERIKAN KEPADA PELANGGAN SENTIASA BERADA PADA TAHAP CEMERLANG DAN DALAM MASA YANG SAMA MEMENUHI KEPUASAN SERTA KEHENDAK PENGGUNA SELARI DENGAN SERUAN “1 MALAYSIA, RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”.

5. DALAM KONTEKS INI, ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM PERLU BERFIKIRAN KREATIF, KRITIS DAN KONSTRUKTIF DALAM MENUNAIKAN TANGGUNGJAWAB DENGAN Mencari penyelesaian kreatif dan inovatif sehingga menjangkau pemikiran dan keberanian untuk bereksperimen dengan menggunakan kaedah kerja baharu di luar kotak kelaziman. Budaya inovatif menjadi agenda utama dalam menghasilkan perubahan berimpak besar kepada kerajaan melalui program-program inovasi yang dilaksanakan. Usaha-usaha ini perlu disokong oleh semua peringkat perkhidmatan awam terutamanya pengurusan atasan bagi memastikan nilai-nilai kreativiti dan inovasi menjadi budaya kerja dan bukan bermusim atau untuk pertandingan semata-mata.

RMKE-11 : PELAKSANAAN INOVASI BERIMPAK TINGGI

6. KUALITI MERUPAKAN SUATU KEADAAN YANG CEMERLANG ATAU AMAT BAIK, NAMUN KEBAIKAN ITU TIDAK TERHAD ATAU TETAP PADA SESUATU TAHAP SAHAJA. IANYA SENTIASA BERGERAK SEPANJANG MASA. MAKA, APABILA KITA MENCAPAI KUALITI YANG KITA KEJAR, KITA MENDAPATI ADA TAHAP KUALITI BARU YANG LEBIH TINGGI YANG PERLU KITA KEJAR. ITU DAHULU. PADA ZAMAN YANG MANA KERAJAAN MEMPERKENALKAN BUDAYA KUALITI DALAM PERKHIDMATAN

AWAM BAGI MEMUPUK NILAI-NILAI MURNI DI KALANGAN PENJAWAT AWAM DAN MENCORAK SISTEM PERKHIDMATAN AWAM KE ARAH SATU TAHAP KUALITI YANG MEMUASKAN. KINI, SEMUA USAHA ITU PERLU BERUBAH, PERLU DILONJAKKAN LAGI KE TAHAP YANG LEBIH TINGGI, YANG LEBIH CEMERLANG, DAN YANG LEBIH SERIUS.

7. MELIHAT KEPADA CORAK PERUBAHAN ARUS SEMASA DAN KEHENDAK MASYARAKAT YANG TINGGI, KERAJAAN PERLU MERUBAH TUMPUAN INOVASI KE ARAH MATLAMAT YANG LEBIH DINAMIK. JUSTERU, PENGHASILAN PRODUKTIVITI DAN INOVASI BERIMPAK TINGGI MENJADI TONGGAK UTAMA DALAM PELAKSANAAN RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS (RMKE-11) 2016–2020 YANG DILANCARKAN PADA HUJUNG TAHUN LEPAS. WALAUPUN PRODUKTIVITI DAN INOVASI DIBERI PENEKANAN DALAM RANCANGAN PEMBANGUNAN YANG LALU, USAHA INI BELUM MENCAPI HASIL YANG DIHASRATKAN. SEPERTI UCAPAN YAB PERDANA MENTERI, RMKE-11 AKAN MEMBUAT PERUBAHAN KETARA KE ARAH MENCAPI MATLAMAT BAGI MENINGKATKAN PRODUKTIVITI DAN MENJANA KEKAYAAN MELALUI INOVASI.

8. SELARAS DENGAN MATLAMAT TERSEBUT, SAYA MENYERU KEMENTERIAN INI UNTUK BANGKIT DAN BERUBAH KE ARAH MATLAMAT YANG SAMA. PENGHASILAN INOVASI-INOVASI BERIMPAK TINGGI DAN MAMPU MENJANA KEKAYAAN PERLU DIBERI PERHATIAN OLEH INDIVIDU, KUMPULAN-KUMPULAN DAN WARGA KEMENTERIAN INI. MALAH, 149 BUAH PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) YANG MEMPUNYAI AKSES SECARA LANGSUNG DENGAN MASYARAKAT SETEMPAT DILIHAT MAMPU MEREALISASIKAN HASRAT KERAJAAN INI. PENGHASILAN INOVASI BERIMPAK TINGGI DI PERINGKAT PBT ADALAH LEBIH MUDAH DIRENCANAKAN DAN DILAKSANAKAN MEMANDANGKAN PBT BERURUSAN SECARA TERUS DENGAN PELANGGAN DI PERINGKAT TEMPATAN DAN TAHU APA JUA KEHENDAK PELANGGAN MASA KINI.

9. JUSTERU, PENGIKTIRAFAN ANUGERAH INOVASI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (AIPBT) YANG DILAKSANAKAN OLEH KERAJAAN DAN KEMENTERIAN INI ADALAH SELARAS DENGAN TUJUAN MENGIKTIRAF PEMBUDAYAAN DAN PENGHASILAN INOVASI DI PERINGKAT PBT. JIKA SEBELUM INI KEBANYAKAN INOVASI YANG DILAKSANAKAN BERBENTUK MEMUDAH PROSES-PROSES KERJA DI PERINGKAT PBT, MUNGKIN INOVASI-INOVASI SELEPAS INI BOLEH MEMBERI TUMPUAN KEPADA IMPAK YANG LEBIH TINGGI DAN MAMPU MENJANA PENDAPATAN KEPADA KERAJAAN SEPERTI INOVASI DALAM SKOP PENGUATKUASAAN PBT, MISALNYA INOVASI KUTIPAN SEMULA CUKAI PINTU DAN SEBAGAINYA YANG BUKAN SAHAJA MAMPU MENGURANGKAN KARENAH BIROKRASI, MALAH DAPAT MENJANA PENDAPATAN KEPADA PBT. HASIL PENDAPATAN INI SETERUSNYA DAPAT DIGUNAKAN BAGI MEMBANGUNKAN LAGI KAWASAN PENTADBIRAN DI BAWAH PBT TERSEBUT. IMPAKNYA SUDAH TENTU KEPADA MASYARAKAT SETEMPAT DAN NEGARA.

10. HAL INI JUGA DILIHAT SANGAT RELEVAN DENGAN SALAH SATU DARIPADA ENAM (6) TERAS STRATEGIK YANG DIGARISKAN DALAM RMKE-11 IAITU "MENINGKATKAN KESEJAHTERAAN RAKYAT". DALAM RMKE-11, 'KESEJAHTERAAN' MERUJUK KEPADA TARAF DAN KUALITI HIDUP YANG MEMENUHI KEPERLUAN SOSIOEKONOMI, FIZIKAL DAN PSIKOLOGI INDIVIDU. KESEJAHTERAAN ADALAH PENTING BAGI MENINGKATKAN PRODUKTIVITI DAN MOBILITI SOSIAL SERTA

MENGUKUHKAN KESEPADUAN SOSIAL DAN PERPADUAN NASIONAL. NAMPAK GAYANYA SELEPAS INI SEMUA KETUA JABATAN DAN SETIAUSAHA BAHAGIAN TIDAK TIDUR MALAM, PERLU MEMIKIRKAN INOVASI-INOVASI BERIMPAK TINGGI YANG BOLEH DILAKSANAKAN UNTUK MENCAPAI KESEJAHTERAAN RAKYAT INI. DI KESEMPATAN INI JUGA, SAYA INGIN MERAKAMKAN UCAPAN PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA KETUA JABATAN/BAHAGIAN/UNIT DI KEMENTERIAN INI ATAS KOMITMEN YANG SANGAT BAIK DALAM PEMBUDAYAAN INOVASI DI PERINGKAT JABATAN MASING-MASING. KITA SENDIRI DAPAT LIHAT PADA HARI INI, BANYAK KUMPULAN DARIPADA PELBAGAI JABATAN DAN BAHAGIAN DI BAWAH KEMENTERIAN INI BERENTAP UNTUK PELBAGAI ANUGERAH YANG DIPERTANDINGKAN. TAHNIAH DIUCAPKAN! TIDAK DILUPA JUGA PENGHARGAAN DAN UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA YANG DIPERTUA-YANG DIPERTUA PBT BERSAMA PASUKAN MASING-MASING YANG TELAH MENUNJUKKAN KOMITMEN CEMERLANG DALAM MEMASTIKAN PEMBUDAYAAN INOVASI DI PERINGKAT PBT DILAKSANAKAN DENGAN CEMERLANG. SAYA DIFAHAMKAN PADA HARI INI, KEMENTERIAN TURUT MENGIKTIRAF LAPAN (8) PBT SEBAGAI PENERIMA ANUGERAH INOVASI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (AIPBT) PERINGKAT KPKT. SYABAS DAN TAHNIAH DIUCAPKAN KEPADA SEMUA!

PROGRAM STRATEGI LAUTAN BIRU KEBANGSAAN (NBOS)

11. BERBALIK KEPADA TEMA SAMBUTAN KITA PADA HARI INI IAITU “BUDAYA KREATIVITI DAN INOVATIF, PEMANGKIN TRANSFORMASI KREATIVITI KPKT”, ELEMEN KREATIVITI HARUS DIBERI PENEKANAN DALAM MEREALISASIKAN IDEA BARU YANG LEBIH DINAMIK. DALAM KONTEKS INI KREATIVITI BOLEH DITAKSIRKAN SEBAGAI KOMBINASI DI ANTARA IDEA BARU DAN IDEA LAMA. IDEA BARU DIPERLUKAN DAN IDEA LAMA DIKAJI DAN DINILAI SEMULA. INI JUGA MERUPAKAN PROSES MELIHAT SEMULA, MEMILIH, MENUKAR GANTI, GABUNGAN DUA MAKLUMAT IDEA BARU DAN KEMAHIRAN.

12. KERAJAAN JUGA TELAH MEMPERKENALKAN PROGRAM STRATEGI LAUTAN BIRU KEBANGSAAN ATAU *NATIONAL BLUE OCEAN STRATEGY* (NBOS) SEJAK TAHUN 2009 DAN TERNYATA PELAKSANAAN INOVASI YANG KREATIF INI TELAH MERUBAH CORAK PENTADBIRAN AWAM DI NEGARA INI KE ARAH YANG LEBIH DINAMIK DAN MODEN. MAKA DALAM HAL YANG DEMIKIAN, PENGHASILAN INOVASI YANG LEBIH KREATIF ADALAH PERLU BAGI MENGHASILKAN IMPAK YANG LEBIH TINGGI. BAGI TUJUAN TERSEBUT, KEMENTERIAN INI TURUT MENYAHUT SERUAN KERAJAAN DENGAN MELAKSANAKAN PROGRAM *MYBEAUTIFUL NEIGHBOURHOOD* (MYBN) SEBAGAI SALAH SATU PROGRAM NBOS KERAJAAN. MALAH, SAYA DIFAHAMKAN, SEJAK KATEGORI HIBRID DIPERKENALKAN DALAM KONVENSYEN KIK TAHUN LEPAS, PELBAGAI INOVASI YANG LEBIH KREATIF TERHASIL. INI JUGA MERUPAKAN SALAH SATU CIRI-CIRI PELAKSANAAN *BLUE OCEAN STRATEGY* (BOS) YANG MANA GABUNGAN KERJASAMA ANTARA PELBAGAI AGENSI KERAJAAN MENGHASILKAN INOVASI YANG MEMBERI IMPAK YANG LEBIH TINGGI.

13. PADA TAHUN INI, LIMA (5) KUMPULAN KIK HIBRID TURUT MEMECAH TEMBOK DENGAN MELAKSANAKAN KERJASAMA DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT SWASTA DI NEGARA INI. KERJASAMA STRATEGIK SEPERTI INILAH YANG KITA IMPIKAN KERANA TANGGUNG JAWAB “KESEJAHTERAAN RAKYAT” TIDAK HANYA TERLETAK

PADA BAHU KERAJAAN, TAPI PADA KITA SEMUA. TERIMA KASIH DIUCAPKAN KEPADA SYARIKAT-SYARIKAT SWASTA YANG MENGAMBIL PELUANG INI UNTUK MELAKSANAKAN INISIATIF YANG BERFAEDAH KEPADA KITA SEMUA. TANPA KOMITMEN DARIPADA PENGURUSAN ATASAN SYARIKAT-SYARIKAT TERSEBUT, MANA MUNGKIN KERJASAMA UNIK SEPERTI INI AKAN TERCIPTA. TERIMA KASIH DIUCAPKAN KEPADA CEO-CEO YANG HADIR MEMBERIKAN SOKONGAN PADA HARI INI.

PENGIKTIRAFAN INOVASI KPKT

14. PENGANJURAN SAMBUTAN HARI INOVASI KPKT 2016 MENUNJUKKAN KOMITMEN KEMENTERIAN INI UNTUK TERUS MEMBUDAYAKAN INOVASI DI PERINGKAT AKAR UMBI. BAGI MENGIKTIRAF SUMBANGAN WARGA KPKT DALAM PENGHASILAN IDEA KREATIF DAN INOVATIF, HARI INI SAYA DIFAHAMKAN KITA BAKAL MENYAKSIKAN PENYAMPAIAN ANUGERAH INOVASI DALAM EMPAT (4) KATEGORI YANG DIPERTANDINGKAN IAITU :

- i. ANUGERAH KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK);
- ii. HADIAH PEJABAT TERBAIK;
- iii. ANUGERAH INOVASI PIHAK BERKUASA TEMPATAN (AIPBT); DAN
- iv. ANUGERAH INOVASI MENTERI (AIM).

15. SYABAS DAN TAHNIAH SAYA UCAPKAN KEPADA SEMUA BAKAL PENERIMA ANUGERAH INOVASI PADA TAHUN INI. PENGIKTIRAFAN PADA HARI INI DIHARAP MENJADI PEMANGKIN KEPADA USAHA-USAHA YANG LEBIH CEMERLANG BAGI MENCAPAI KEJAYAAN YANG LEBIH GEMILANG PADA MASA AKAN DATANG. SAYA PERCAYA, KUMPULAN-KUMPULAN INOVASI YANG BERADA DALAM DEWAN PADA HARI INI, MEMPUNYAI RANCANGAN YANG LEBIH STRATEGIK BAGI RENCANA MASA DEPAN.